

Lelaki lembam didakwa rompak wanita Thailand

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) yang mengalami masalah lembam diperintah oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini untuk menjalani rawatan psikiatri di Hospital Bahagia, Perak setelah mengaku tidak bersalah merompak seorang wanita warga Thailand minggu lalu.

Hakim Azwarnida Affandi membuat keputusan itu terhadap Badrul Hisham Abu Seman, 31, setelah menerima permohonan peguam, Norasyikin Zakaria untuk mengetepikan pengakuan anak

guamnya itu dan memaklumkan mengenai masalah kesihatan yang dihadapi tertuduh.

Tertuduh didakwa merompak sebuah beg tangan berjenama Coach milik penganalisis bank, Thawanrat Puckdeepun, 28, di Jalan Law Yew Swee di sini, kira-kira pukul 9 malam, 11 Ogos lalu.

Pertuduhan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya, Norazlin Mohamad Yusoff mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan boleh dikenakan denda atau sebat jika

sabit kesalahan.

Menurut Norasyikin, anak guamnya tidak mempunyai kad OKU atau pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berikutan keluarganya tidak pernah memohon perakuan itu untuk anak mereka.

Namun katanya, ahli keluarganya mengesahkan tertuduh mengalami masalah lembam sejak kecil.

Mahkamah kemudian menetapkan 23 September ini untuk mendapatkan laporan perubatan tertuduh.

utusan Malaysia 11/8 28 19/8/2014